

# Pemandu teksi diingat jaga nama baik negara

Tindakan menipu kadar tambang boleh jejas usaha tarik pelancong: PM

Oleh Kadir Dikoh

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta pemandu teksi di seluruh negara tidak menipu pelanggan dengan mengenakan kadar tambang yang tidak masuk akal lebih-lebih lagi menjelang Tahun Melawat Malaysia 2007 (TMM'07).

Perdana Menteri berkata, tindakan itu bukan saja menjejaskan nama baik pemandu teksi dan dikenakan kadar tambang tinggi. Pemandu teksi yang tidak menggunakan meter ini mengenakan tambang sesuka hati untuk mengaut untung yang banyak.

"Pengalaman saya sendiri (di luar negara) apabila dibawa keliling jauh oleh pemandu teksi dan dikenakan kadar tambang tinggi. Pemandu teksi yang tidak menggunakan meter ini mengenakan tambang sesuka hati untuk mengaut untung yang banyak."

"Untung sekali saja tetapi nak untung dua kali susah. Ini akan beri kesan buruk kepada perkhidmatan teksi," katanya pada majlis perhimpunan semangat Jalur Gemilang anjuran Pertubuhan Pemandu dan Pengusaha Teksi, Limosin dan Kereta Sewa Malaysia (Petekma) di Dataran Putrajaya di sini semalam.

Abdullah kemudian memasang Ja-

lur Gemilang pada sebahagian daripada deretan kira-kira 1,000 teksi. Beliau turut menandatangani poster menyatakan sokongan terhadap Sukan Pespic kesembilan di ibu negara pada 25 November hingga 1 Disember depan.

Sukan Pespic adalah sukan terbesar bagi atlet kurang upaya di Asia dan Oceania membabitkan 63 negara.

Sebelum itu, Presiden Petekma, Yusoff Lahir, mengetuai bacaan doa sokongan padu kepada kerabat pimpinan Abdullah. Hadir sama Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Abdullah turut membuat beberapa syor kepada pemandu teksi di seluruh negara dalam usaha menarik kunjungan sekurang-kurangnya 20 juta pelancong setahun berbanding sasaran 15 juta untuk dicapai menjelang akhir tahun ini.

Beliau berkata, sopan santun dan tertib pemandu teksi perlu dijaga kerana mereka adalah antara golongan pertama ditemui pelancong, sekali gus memberi gambaran sebenar pertama kepada pelawat.

"Kita mahu pelancong berasa selesa dan selamat sampai ke destinasi. Kita tidak mahu pemandu teksi me-

mandu berbahaya. Kalau kita berbudi bahasa, pelawat akan sentiasa ingat pada kita, pada Malaysia dan mahu kembali semula ke negara ini," katanya.

Abdullah juga berkata, beliau menjalankan tugas sebagai Perdana Menteri hanya untuk kepentingan negara, bangsa, rakyat dan agama tanpa mempunyai niat dan tujuan lain.

"Kerja saya sebagai Perdana Menteri tidak ada niat dan tujuan lain," katanya sambil menambah bahawa beliau akan membantu rakyat sedaya boleh.

Sebagai contoh, Perdana Menteri berkata, beliau akan memberikan pertimbangan dan kelulusan mengikut kemampuan atas segala permintaan dan cadangan Persatuan Pengusaha dan Pemandu Teksi Malaysia.

Terdahulu, Yusoff dalam ucapannya berkata ia adalah perhimpunan terbesar pemandu teksi dan melahirkan harapan agar peranan mereka dihargai untuk membantu memesatkan industri pelancongan negara.

Beliau berharap pihak berkuasa turut menyediakan pakaian seragam untuk pemandu teksi dan mengadakan latihan tata tertib sempena kempen Tahun Melawat Malaysia.

## INFO

### Syor Perdana Menteri untuk tingkat perkhidmatan teksi

- Letakkan risalah dalam teksi berkaitan maklumat mengenai Malaysia seperti lokasi kompleks beli, restoran dan tempat menarik untuk dikunjungi.
- Mainkan lagu muzik tempatan dalam teksi bagi memperkenalkan muzik asli negara.
- Tunjukkan imej baik yang melambang budi bahasa tinggi rakyat Malaysia.
- Pastikan teksi sentiasa bersih dan selesa serta semburkan wangian yang nyaman.
- Letakkan iklan di luar atau dalam teksi yang memberi maklumat mengenai negara, dan
- Berikan maklumat terperinci mengenai acara sepanjang Tahun Melawat Malaysia.